

02/08/2001

PM perjasas pemilihan pelajar ikut meritokrasi

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi taklimat khas kepada pemimpin Umno bahagian mengenai isu semasa, termasuk pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berdasarkan kecemerlangan atau meritokrasi.

Taklimat oleh Presiden Umno itu akan diadakan secepat mungkin di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bagi membolehkan pemimpin bahagian memahami kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri, baru-baru ini.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata taklimat itu penting kerana ramai ahli ingin mengetahui isu berkenaan kerana pendidikan adalah bidang penting yang diperjuangkan oleh parti.

"Jika kita dapati pencapaian mereka (pelajar di IPTA) itu tidak memuaskan, sesuatu perlu dilakukan dan meritokrasi bukan satu saja pendekatan yang akan diambil," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Dr Mahathir sebelum ini dilaporkan berkata, kerajaan akan mengambil tindakan tegas bagi menangani masalah membabitkan pelajar Melayu, termasuk melaksanakan sistem meritokrasi.

Perdana Menteri berkata, tindakan kerajaan selama ini yang memperuntukkan kuota dan memberi kelonggaran kepada pelajar sehingga orang yang tidak ada merit pun diterima masuk, bukan hanya membuat pelajar Melayu 'main-main' bahkan menjadikan mereka sombong.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir hari ini menjelaskan kepada mesyuarat Kabinet mengenai pelaksanaan meritokrasi dan semua jemaah menteri bersetuju menyerahkan kepada kerajaan untuk dilaksanakan.

"Jemaah menteri memberi sokongan supaya kelemahan pelajar Melayu di IPTA diatasi dan cadangan itu akan diperjelaskan secara terperinci sebelum dilaksanakan," katanya.

Abdullah berkata, sebagai pemimpin kerajaan, Dr Mahathir berasa tidak berpuas hati dengan tahap pencapaian pelajar Melayu dalam bidang pendidikan sekarang dan perasaan itu turut dikongsi bersama oleh pemimpin Umno lain.

"Kalau kita memandang prestasi anak Melayu, apa akan jadi pada kita pada masa depan apabila persaingan lebih ketat dan ekonomi dunia menjadi lebih kompleks.

"Dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, bangsa Melayu perlu mempunyai tenaga kerja yang betul-betul berkeupayaan untuk bersaing dan memberi sumbangan kepada negara pada masa depan," katanya.

Beliau berkata, orang yang akan memberi sumbangan ialah mereka yang diberi pendidikan sekarang dan Umno sentiasa berpendapat maju mundur bangsa adalah bergantung kepada tahap kejayaan pendidikan.

(END)